




SEKSYEN 33(1) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

MSB

V.

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI MOF.PKCP.700-7/1/1265

 PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

 PUAN FAJRUL SHIHAR BINTI ABU SAMAH

 8 SEPTEMBER 2023

Pembayar Cukai adalah syarikat yang menjalankan aktiviti perkhidmatan kontraktor kuari. Pada 5 Ogos 2014, Pembayar Cukai memasuki kontrak (Perjanjian Utama) untuk satu projek kuari di Simpang Pulai untuk tempoh selama lima (5) tahun daripada syarikat LASB. Pembayar

Cukai kemudian melantik OFSB, syarikat induk Pembayar Cukai sebagai sub-kontraktor dengan menerimapakai terma di Perjanjian Utama untuk menjalankan projek kuari tersebut dengan persetujuan pembayaran sebanyak 1% hingga 2% kepada Pembayar Cukai atas setiap jualan.

Pada 25 Oktober 2016, LASB telah menamatkan kontrak projek kuari tersebut dan telah membayar pampasan sebanyak RM850,000 kepada Pembayar Cukai sebagai *full and final settlement*. Pembayar Cukai kemudian membayar amaun pampasan tersebut kepada OFSB dan menuntut pembayaran tersebut sebagai potongan perbelanjaan di bawah subseksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”). Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) berpandangan bahawa pembayaran pampasan tersebut kepada OFSB tidak boleh dibenarkan sebagai potongan kerana ia tidak kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar Pembayar Cukai.

Pembayar Cukai menghujahkan tujuan dan motif di sebalik bayaran pampasan tersebut adalah berkait dengan amalan biasa perniagaan Pembayar Cukai dan layak dikenakan tolakan kerana ia bukan liabiliti yang bersifat prospektif atau luar jangka. Pembayar Cukai menghujahkan bahawa bayaran pampasan tersebut bukan merupakan kos bersifat unjuran masa kerana obligasi Pembayar Cukai untuk membayar kepada OFSB telah wujud. Pembayar Cukai menghujahkan sekiranya bayaran pampasan tersebut tidak dilakukan, Pembayar Cukai akan berhadapan dengan risiko tindakan undang-undang yang akan mengancam perniagaan Pembayar Cukai.

KPHDN sebaliknya menghujahkan bahawa berdasarkan Perjanjian Utama, kerja-kerja di kuari hendaklah ditentukan dan disahkan oleh pihak LASB dan dalam keadaan berlaku pembatalan kontrak, LASB akan membuat bayaran kepada Pembayar Cukai berdasarkan kepada kerja-kerja yang telah siap dilakukan. Oleh itu, nilai pampasan sebanyak RM850,000 adalah merupakan andaian dan kontengensi yang dibayar oleh Pembayar Cukai kepada OFSB yang tidak dapat ditentusahkan nilai sebenar kerja-kerja kontrak selepas penamatan kontrak tersebut kerana ketiadaan butiran terperinci bagi kerja-kerja kuari yang akan dilakukan dalam tahun (3-5) selepas penamatan kontrak berdasarkan kepada Jadual Skop Kerja dalam Perjanjian Utama. Hasil pengauditan juga menunjukkan OFSB mempunyai kepentingan bersama sebagai syarikat berkaitan kerana ia merupakan pemegang saham tunggal dalam syarikat Pembayar Cukai.

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan memutuskan bahawa Pembayar Cukai telah berjaya membuktikan rayuan Pembayar Cukai selaras dengan Perenggan 13, Jadual 5 ACP 1967 dan bahawa KPHDN tidak mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk mengenakan penalti terhadap Pembayar Cukai di bawah seksyen 113(2) ACP 1967. Rayuan Pembayar Cukai dibenarkan dan Notis Taksiran Tambahan bertarikh 25 September 2020 bagi tahun taksiran 2017 yang berkaitan dengan rayuan ini dan penalti diketepikan.

Editorial Note:

- KPHDN berhak untuk memfailkan rayuan ke atas keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.